



Peserta Ekspedisi Kembara Berakit Sungai Dungun.

# Cabaran berakit Rakan Muda UPM

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bharan.com.my

► Dungun

## FAKTA NOMBOR

80

peserta  
Ekspedisi Kembara  
Berakit Sungai Dungun

Mendayung rakit ham-pir 10 jam di bawah terik matahari serta rakit tersangkut di dalam belukar antara cabaran dihadapi 80 peserta Ekspedisi Kembara Berakit Sungai Dungun, Terengganu, di sini; baru-baru ini.

Berbekalkan semangat ‘alah bisa tegal biasa’, pelbagai rintangan itu berjaya diharungi peserta yang juga ahli Sekretariat Rakan Muda Universiti Putra Malaysia (SRM UPM).

Pengarah program, Mohd Farid Sapari, berkata 14 rakit digunakan bagi peserta mere-

dah sungai bermula di Kampung Jerangau dan berakhir di Kampung Lendong itu.

“Ekspedisi bertema jalinan cinta alam ini kali kedua anjuran SRM UPM bagi mendekatkan peserta dengan alam sekitar selain menyemai semangat kekitaan serta berani menghadapi cabaran.

“Selain berakit, kami sempat melaksanakan aktiviti *water confident* dan menghias rakit serta aktiviti kemasyarakatan di dua kampung mengambil sempena program tiga hari dua malam itu,” katanya.

## Khidmat, bakti

Mohd Farid berkata, di Kampung Jerangau, peserta bertoong-royong membersihkan kawasan masjid dan balai raya serta malam kebudayaan.

Katanya, aktiviti sukan rakyat bersama-sama penduduk Kampung Jerangau pula berlangsung penuh meriah membabitkan permainan pukul bantal, panjat tiang licin, menjala, menangkap itik dan tarik upih.

Majlis perasmian penutup program disempurnakan wakil Parlimen Dungun, Datuk Din Adam.



**Lawan pukul** bantal antara aktiviti yang menyeronokkan diadakan.



**Menegakkan kayu** di dalam sungai mencabar peserta.